

Umno Perak buat perubahan

IPOH, Jumaat — Datuk Musa Hitam telah melaksanakan beberapa perubahan dalam perjalanan Jawatankuasa Perhubungan Umno Perak untuk memperkemas serta meningkatkan keberkesanan jawatankuasa itu.

Antara perubahan-perubahan itu ialah mengurangkan jumlah biro-biro dari lapan kepada lima dan pembentangan laporan oleh ketua-ketua biro serta ketua Pemuda dan Umno di setiap mesyuarat.

Datuk Musa mengu-

mumkan perubahan ini kepada para pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa itu di Wisma Wan Mohamed malam tadi.

Ini adalah kali kedua Timbalan Perdana Menteri itu mesyuarat itu sejak menjadi ketuanya awal Mac lalu.

Kegiatan

Datuk Musa berharap dengan mewujudkan hanya lima biro, ia akan dapat memperkemas perjalanan jawatankuasa itu.

Ketiga biro yang dipushtkan ialah buruh,

kebudayaan dan kewangan manakala biro-biro yang diturunkan ialah politik, ekonomi, penerangan, pendidikan dan agama.

Biro politik diketuai oleh Datuk Musa sendiri; ekonomi, oleh Ketua Umno Bahagian Menglembu, Haji Yahya Shafie; biro penerangan, Haji Zainal Abidin bin Zin; biro pendidikan, Encik Dzulqarnain Abdul Rahman dan biro agama, Haji Saidin Mat Piah.

Datuk Musa juga berkata, mulai mesyuarat ini setiap biro dikehendaki

membentangkan laporan kepada jawatankuasa perhubungan mengenai kegiatan masing-masing.

Katanya, sistem membentangkan laporan akan membolehkan tiap-tiap ahli perhubungan memberi teguran, nasihat ataupun pandangan.

Pada keseluruhannya, Datuk Musa berpuas hati dengan perjalanan bahagian-bahagian Umno di Perak sekarang dan beliau merasakan tidak ada masalah besar yang dihadapi.

"Perjalanan bahagian-bahagian Umno Perak adalah memuaskan dan kalau ada pun sedikit-sebanyak kejadian, tidak menjadi masalah besar serta telah diambil

maklum oleh jawatankuasa perhubungan," tegasnya.

Mengenai Umno Bahagian Parit Buntar yang digantung oleh Majlis Tertinggi Umno pada 1979 dan kemudian diletakkan di bawah satu jawatankuasa tadbir, Datuk Musa berkata, ia sekarang di bawah satu jawatankuasa tadbir yang baru.

Jawatankuasa baru itu diketuai oleh Datuk Musa dengan Menteri Besar Encik Ramli Ngah Talib sebagai timbalannya, Haji Khalid Nasir sebagai setiausaha manakala ahli-ahli jawatankuasa adalah Ahli Parlimen Parit Buntar, Encik Abdul Rahman Sulaiman dan Ketua Pergerakan Pemuda serta Wanita.